

Polis soal Dr Mahathir lagi
Free Malaysia Today
Jun 29, 2016

Ia bukan kali pertama bekas perdana menteri itu disiasat, selepas disoal sebelum ini oleh Bukit Aman.

PETALING JAYA: Polis hari ini menyoal Tun Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya, menurut peguam bekas perdana menteri itu dipetik The Star hari ini.

Mohamed Haniff Khatri Abdulla mengesahkan pagi ini, Dr Mahathir sedang disoal siasat polis di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya.

“Pasukan saya ada dalam sesi itu,” kata Haniff yang dalam perjalanan untuk turut bersama Dr Mahathir.

Ia bukan kali pertama negarawan itu disiasat.

Awal bulan ini, Dr Mahathir disoal polis berhubung kenyataannya yang Agong dan raja-raja berada di bawah “perintah berkurung”, serta peranannya dalam Deklarasi Rakyat, pergerakan yang menuntut peletakan jawatan Datuk Seri Najib Razak.

November lalu, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman mengambil keterangan beliau di pejabatnya di Yayasan Al-Bukhary, Kuala Lumpur.

“Mereka bertanyakan soalan dan saya tidak jawab dan saya tidak tahu apakah sebab saya disiasat dan saya serah kepada mereka. saya juga menyerahkan segala keputusan kepada mereka sekiranya mereka menahan saya,” katanya selepas disiasat.

Ia susulan tiga kertas siasatan dibuka terhadap Dr Mahathir atas tindakannya mengkritik perdana menteri secara terbuka.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/29/polis-soal-dr-mahathir-lagi/>